

09/03/2002

Mahathir tuntutan Anwar bayar kos saman malu RM152,755

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menuntut RM152,755 daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kos perbicaraan rayuan saman malu bekas Timbalan Perdana Menteri itu terhadapnya, tiga tahun lalu.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Mohd Nasir Yahya, menetapkan 26 April ini untuk keputusan tuntutan Perdana Menteri selepas mendengar hujah peguam belanya, Fadzillah Mohd Pilus dan peguam bela Anwar, Karpal Singh.

Dr Mahathir menuntut kos itu selepas Anwar gagal dalam rayuannya di Mahkamah Rayuan pada 9 Disember 1999.

Pada 6 Julai tahun lalu, Mahkamah Persekutuan memerintahkan Anwar membayar kos sebanyak RM18,489 kepada Mahathir berhubung rayuannya dalam saman malu yang ditolak, Februari tahun lalu.

Timbalan Pendaftar, S Kalyana Kumar, membuat keputusan itu selepas membenarkan tuntutan Dr Mahathir.

Dr Mahathir menuntut kos RM102,114 daripada Anwar tetapi Kalyana Kumar hanya membenarkan RM18,489.

Pada 17 April tahun lalu, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rozilah Salleh memerintahkan Anwar membayar kos RM85,284.80 kepada Dr Mahathir berhubung saman malu RM100 juta yang ditolak oleh Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam.

Dr Mahathir memohon kos perbicaraan RM203,958.80 daripada Anwar berhubung saman malu itu yang ditolak Mahkamah Tinggi.

Saman Anwar yang difailkan pada 30 Ogos 1999 itu dibawa ke Mahkamah Tinggi tanpa menjalani perbicaraan penuh.

Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Disember tahun yang sama.

Dalam samannya, Anwar mendakwa Dr Mahathir pada 22 September 1998 "secara palsu dan dengan niat jahat" bercakap kepada wartawan asing dan tempatan dalam sidang akhbar menuduhnya melakukan tindakan tidak bermoral.

Pada Februari tahun lalu, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohd Dzaiddin Abdullah, yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek Ahmad menolak permohonan Anwar bagi mendapat kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan.

(END)